

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kebanyakan negeri catat pertambahan kes baharu

2,717 jangkitan direkod, Selangor kekal catat angka tertinggi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak 2,717 kes baharu jangkitan COVID-19 direkodkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 390,252 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah kes baharu itu, Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi dengan 768 kes baharu.

Katanya, enam lagi negeri yang mencatatkan kes baharu tiga angka ialah Sarawak sebanyak 570 kes, Kelantan (518) Kuala Lumpur (240); Pulau Pinang (134); Sabah (132) dan Johor (126).

"Selain itu, negeri yang turut mencatatkan pertambahan kes baharu hari ini (semalam) adalah Perak dengan 54 kes, Terengganu (50); Kedah (34); Melaka (30); Negeri Sembilan (27) dan Pahang (22).

"Turut mencatatkan pertambahan kes, Putrajaya dengan 11 kes serta satu kes di Perlis. Hanya Labuan tidak melaporkan sebarang kes baharu," katanya di Facebook, di sini, semalam.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata sebanyak 495,750 in-



Penguatkuasa Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan memantau pematuhan orang ramai di sebuah pusat beli-belah di Kuantan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

dividu sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICIK) setakat kelmarin.

Katanya, bagi tempoh sama, seramai 783,987 individu sudah menerima dos pertama menjadikan keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin COVID-19 di negara ini berjumlah 1,279,737 dos.

Menerusi satu infografik yang dikongsikan melalui laman Twitter rasminya semalam, Dr Adham berkata, lima negeri menerima suntikan dos pertama vaksin tertinggi ialah Selangor

dengan 103,613, diikuti Kuala Lumpur (87,603), Sarawak (74,154), Johor (71,609) dan Sabah (65,940).

Lima negeri yang melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin COVID-19 tertinggi setakat ini pula ialah Selangor dengan 70,468, diikuti Perak (49,958), Sarawak (48,444), Sabah (45,253) dan Kuala Lumpur (44,379).

Mengenai jumlah individu yang berdaftar untuk program imunisasi, Dr Adham berkata setakat kelmarin, sebanyak 9,225,268 atau 38 peratus daripada yang disasarkan sudah mendaftar dengan Selangor kekal mencatat angka tertinggi sebanyak

2,406,238 pendaftaran.

Mengikuti perancangan program imunisasi itu, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin yang bermula Februari lalu hingga bulan ini, membabitkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua bermula pada April hingga Ogos depan membabitkan 9.4 juta warga emas, kumpulan rentan dan orang kurang upaya (OKU), manakala fasa ketiga dijadual pada Mei hingga Februari 2022, membabitkan individu 18 tahun dan ke atas dengan sasaran 13.7 juta orang atau lebih.

## 268,800 dos vaksin AstraZeneca tiba di KLIA

**Kota Tinggi:** Malaysia menerima 268,800 dos vaksin COVID-19 jenis AstraZeneca yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), malam kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata vaksin berkenaan yang diperolehi melalui fasiliti COVAX tiba di KLIA pada 8.20 malam, iaitu penghantaran pertama bagi vaksin itu yang pembelannya dilaksanakan pada Disember lalu untuk kegunaan tiga peratus jumlah populasi negara.

"Pihak fasiliti COVAX menghantar vaksin ini dari Korea Selatan dan kita akan letak di gu-

dang yang ditetapkan," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian peruntukan Parlimen Tenggara di Pusat Khidmat Wakil Rakyat Ahli Parlimen Tenggara, Taman Daiman, di sini semalam.

Ditanya kebimbangan masyarakat terhadap vaksin berkenaan, Dr Adham yang juga Ahli Parlimen Tenggara, berkata Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) membuat ke-



Dr Adham Baba

putusan untuk membeli vaksin itu hanya selepas mendapat kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (MPRA).

Beliau berkata, berdasarkan penelitian terhadap semua data daripada pengeluaran dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), didapati kelebihan menggunakan vaksin berkenaan adalah lebih mudah.

"Pandangan kita, vaksin AstraZeneca ada kebaikan apabila digunakan terhadap kumpulan (pe-

nerima) tertentu, (sebab itu) kena banyakkkan jenis vaksin lagi kerana keperluan vaksin ada yang boleh serasi dengan kumpulan-kumpulan itu. Sekarang kita dah ada Pfizer-BioNTech, Sinovac dan AstraZeneca," katanya.

Ketika ditanya mengenai kumpulan pertama yang akan menerima vaksin berkenaan, beliau berkata, satu pengumuman akan dibuat pada Isnin ini.

"Pihak JKJAV, pakar klinikal dan pakar jangkitan akan memberi saranan kepada kumpulan yang akan kita berikan dan kenyataan mengenainya akan dibuat Isnin ini," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Sebanyak 21 kes dikesan setakat ini melalui surveilan genomik yang dilakukan

## 4 lagi kes varian South African B.1.351

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mengesan empat lagi kes tempatan dijangkiti varian South African B.1.351 menjadikan jumlah terkini sebanyak 21 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, empat kes tersebut dikesan melalui surveilan genomik yang dijalankan dari 15 sehingga 23 April.

"Tiga dilaporkan di daerah Kuala Langat, manakala satu kes lagi merupakan kes pertama di luar Selangor iaitu yang disahkan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan.

"Dua daripada kes tersebut ditemui dalam Kluster Teknologi Emas, satu saringan kontak-rapat, manakala satu lagi punca kes masih dalam siasatan," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Katanya, melalui surveilan genomik terkini bagi tempoh yang sama, sebanyak 29 kes telah



**SUASANA di kaunter tiket bas Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur lengang berikutan larangan rentas negeri masih dikekalkan.** - AMIR KHALID

menjalani jujukan genom penuh merangkumi Johor, Selangor, Putrajaya, Sabah, dan Sarawak.

"Data genom SARS-CoV-2 bagi kes-kes ini menunjukkan kitaran lineage yang lazim dijumpai iaitu Malaysian B.1.524 di Semenanjung

Malaysia dan B.1.466.2 di Sarawak yang dikategorikan sebagai bukan *variant of concern*.

Berhubung kes harian pula, ujarnya, 11 kematian dilaporkan di Sarawak, Selangor, Sabah dan Kuala Lumpur memabitkan tu-

COVID-19	
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
Jumlah	
Kes baharu	2,717
Importasi	26
Tempatan:	2,691
Pulih	2,292
Kematian	11
Masih dirawat	22,926
Jumlah kes sembuh	365,900
Jumlah Kematian	1,426
Jumlah kes keseluruhan	390,252

"Kluster tempat kerja yang dikesan ialah Kluster Jalan Abdul Karim di Klang, Selangor dengan 11 kes, Kluster Jalan Melor di Hulu Selangor dengan tujuh kes serta Kluster Lebuah Ipoh-Lumut di Kinta dan Perak Tengah, Perak dengan 17 kes.

"Seterusnya, Kluster Jalan Datoh di Kinta dengan 12 kes, Kluster Tingkat Mak Manding di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan 13 kes, Kluster D'lahar di Besut, Terengganu dengan 40 kes serta Kluster Desa Mawar di Rompin, Pahang dengan sembilan kes," katanya.

Ujarnya, dua kluster komuniti ialah Kluster Jalan Kolam Dua di Larut, Matang dan Selama, Perak dengan lapan kes dan Kluster Dambai Inanam di Kota Kinabalu, Kuala Penyu dan Putatan, Sabah dengan 19 kes.

Tambahnya, kluster pendidikan KPM pula ialah Kluster Jalan St. Thomas di Kepong, Cheras dan Titiwangsa, Kuala Lumpur serta Gombak, Hulu Langat dan Petaling serta Raub, Pahang dengan 11 kes.

## 268,800 dos AstraZeneca tiba

**KOTA TINGGI** - Sebanyak 268,800 dos vaksin jenis AstraZeneca selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, penghantaran pertama vaksin berkenaan yang diperolehi melalui fasiliti COVAX selamat tiba pada pukul 8.20 malam.

"Ini merupakan penghantaran pertama melibatkan 268,800 dos melalui pembelian yang kita telah laksanakan pada Disember lalu melalui fasiliti COVAX untuk dapatkan tiga peratus jumlah populasi negara.

"Ini melalui solidariti *fund* yang kita masuk dalam fasiliti COVAX dan pihak fasiliti COVAX menghantar vaksin ini dari Korea Selatan.

"Kita akan letak (vaksin ini) di gudang kawasan yang telah ditetapkan. Jadi untuk itu kita telah ada calon-calon vaksin dalam negara kita seperti Pfizer-BioNTech dan Sinovac," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan peruntukan kepada badan bukan kerajaan (NGO) pada Majlis Penyampaian Peruntukan Parlimen Tenggara di Pusat Khidmat Wakil Rakyat Ahli Parlimen Tenggara, Taman Daiman, Kota Tinggi, semalam.



**VAKSIN Covid-19 AstraZeneca selamat tiba di Malaysia kelmarin.** - AFP

Mengulas lanjut kebimbangan masyarakat terhadap vaksin jenis itu, Dr. Adham berkata, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) telah membuat keputusan untuk membeli vaksin itu hanya selepas mendapat kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Katanya, penelitian terhadap semua data-data daripada pengeluaran termasuk daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahawa kelebihan menggunakan vaksin tersebut adalah

melebihi kemudatan.

"Pandangan kita ada kebaikan vaksin AstraZeneca - bila guna kepada kumpulan-kumpulan tertentu. (Sebab itu) kena perbanyak calon vaksin kerana keperluan vaksin ada yang boleh serasi dengan bentuk-bentuk vaksin seperti ini," katanya.

Dalam perkembangan lain ketika ditanya berkenaan adakah rentas negeri dibenarkan sekiranya kes harian Covid-19 menurun beliau berkata, perkara itu akan diperhalusi berdasarkan beberapa indikator.

## Jumpa anak di asrama punca penularan Covid-19 di sekolah

**ALOR SETAR** - Tindakan sege-lintir ibu bapa bergejala bertemu dengan anak mereka di asrama bagi menghantar makanan merupakan punca penularan Covid-19 dalam kalangan pelajar di Baling, baru-baru ini.

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri sebelum ini telah menetapkan prosedur operasi standard (SOP) bertujuan menghalang ahli keluarga memasuki kawasan sekolah.

Namun, katanya, pelanggaran SOP tersebut oleh ibu bapa didapati masih berlaku sehingga menyebabkan tercetus penularan Covid-19 di sekolah.

"Terdapat ibu bapa pelajar terlibat yang menjalani ujian saringan Covid-19 selepas itu disahkan positif.

"Pada masa sama, ujian saringan ke atas anak-anak mereka di asrama pula didapati turut positif bersama rakan-rakan lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas berbuka puasa bersama warga

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, di sini kelmarin.

Beliau mengulas mengenai beberapa buah sekolah di Baling, Kulim dan Alor Setar kini berdepan ancaman Covid-19 melibatkan pelajar sekolah.

Keadaan itu turut menyebabkan dua sekolah di Baling iaitu Maktab Mahmud dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Baling, ditutup bagi tujuan kerja-kerja isolasi pada 18 dan 22 April lalu.

Muhammad Sanusi dalam pada itu tidak menolak kemungkinan penularan Covid-19 dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah lain dalam negeri ini, turut berpunca daripada pertemuan antara murid dan ibu bapa.

"Jadi saya harap amalan yang sering dibuat dulu seperti menghantar makanan kepada anak-anak, tidak perlulah dibuat dalam norma bakan lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas berbuka puasa bersama warga

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Sudah lebih setahun kami tersisih kerana Covid-19

Oleh TOREK SULONG  
Utusannews@mediamula.com.my

**PASIR PUTEH:** Golongan warga emas yang mendaftarkan diri dengan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) teruja apabila menerima suntikan vaksin pertama sejak semalam.

Rata-rata mereka yang ditemui Utusan Malaysia berharap ancaman pandemik tersebut segera reda supaya semua orang dapat menjalani semula kehidupan normal terutama dapat bersama keluarga masing-masing.

Paling tidak, mereka berharap prosedur operasi standard (SOP) yang kebanyakannya seolah-olah 'menyisihkan' golongan warga emas dalam apa sahaja aktiviti cepat-cepat ditamatkan.

Abdul Ghani Jusoh, 71, dari bandar Pasir Puteh berkata, paling ditunggu-tunggu sejak lebih setahun lalu ialah untuk bertemu semula 31 cucu yang terpisah dengannya sejak virus tersebut menular di negara ini.

Selain itu katanya, dalam tempoh sama, warga emas berusia 60 tahun ke atas dilarang masuk ke pasar raya serta premis-premis lain selain tidak dibenarkan bergerak bebas di tempat awam.

"Bagi warga emas yang tidak ada anak atau cucu di sisi, kami terpaksa mendapatkan bantuan orang kampung untuk membeli barangan keperluan terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sudah lebih setahun kami hidup tersisih begini.

"Dengan adanya suntikan vaksin, saya harap semuanya kembali menjadi normal," katanya ketika ditemui selepas menerima suntikan pertama sempena PICK di



**KAMARUZAMAN Ab. Wahab (kiri) meninjau keadaan warga emas yang menerima suntikan di Pasir Puteh, Kelantan. - MINGGUAN/TOREK SULONG**

Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Maritim Malaysia Kelantan di sini semalam.

Wan Khadijah Wan Khalid, 81, pula berkata, kesepian yang ditanggung warga emas diharapkan segera berakhir selepas program imunisasi vaksin Covid-19 dilaksanakan.

"Kami bagaikan tersisih apabila tidak dibenarkan solat berjemaah di masjid hanya kerana

usia yang lanjut tanpa merujuk kepada status kesihatan semasa.

"Sebab itu semua warga emas perlu tampil mendaftar dengan PICK. Jangan terpengaruh dengan kumpulan antivaksin sehingga menyebabkan kita terperap di rumah, dihalang ke pasar dan masjid," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Jajahan, Mohd. Kamarulzaman

Ab. Wahab yang meninjau proses vaksinasi tersebut berkata, seramai 120 warga emas di seluruh daerah ini menerima suntikan vaksin Sinovac semalam.

Setakat ini katanya, hanya 18,000 daripada 90,000 penduduk di Pasir Puteh yang berusia 60 tahun ke atas sudah mendaftarkan diri dengan PICK bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19.

## Kes positif hampiri 3,000 kes

**PUTRAJAYA:** Malaysia terus merekodkan peningkatan kes positif baharu Covid-19 menghampiri 3,000 kes iaitu 2,717 kes mengatasi kes sembuh 2,292 kes.

Sebanyak 11 kematian dan 10 kluster direkodkan manakala kes aktif terus menunjukkan peningkatan iaitu 22,926 kes berbanding semalam, 22,512 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 272 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala 124 kes memerlukan bantuan pemafasan.

Katanya, Selangor terus kekal menjadi negeri tertinggi merekodkan kes positif baharu iaitu 768 kes diikuti Sarawak, 570 kes; Kelantan, 518 kes; Kuala Lumpur, 240 kes; Pulau Pinang, 134 kes; Sabah, 132 kes dan Johor, 126 kes.

"Baki negeri merekodkan kes dua angka iaitu Perak, 54 kes; Terengganu, 50 kes; Kedah, 34 kes; Melaka, 30 kes; Negeri Sembilan, 27 kes; Pahang, 22 kes dan Putrajaya, 11 kes.

"Hanya Perlis merekodkan satu kes manakala Labuan, sifar kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, 11 kes kematian iaitu lima kes di Sarawak, tiga kes di Selangor, dua kes di Sabah, dan satu kes di Kuala Lumpur melibatkan 10 kes warga tempatan dan satu warga asing.

"Kes melibatkan tujuh lelaki termasuk warga asing dan empat wanita berusia antara 36 hingga 80 tahun.

"Pelbagai latar belakang penyakit dikesan melibatkan jantung, strok, obesiti, kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, asma dan buah pinggang kronik," katanya.

Mengulas mengenai melibatkan 10 kluster baharu, beliau berkata, ia melibatkan tujuh kluster tempat kerja, dua kluster komuniti, dan satu kluster sekolah/institusi pendidikan Kementerian Pendidikan.

## 2,000 jalani saringan di Madinah Ramadan

**KOTA BHARU:** Sebanyak 2,000 individu menjalani ujian saringan Covid-19 dalam tempoh tiga hari sejak Selasa lalu hingga semalam di Madinah Ramadan di sini, yang baru sahaja dijadikan Pusat Saringan Covid-19.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, semua individu terbabit perlu melakukan ujian selepas mempunyai kontak rapat dengan ahli keluarga, sekolah dan tempat kerja.

"Secara purata lebih kurang 700 individu membuat ujian sari-

ngan di Madinah Ramadan setiap hari, melibatkan kanak-kanak, dewasa dan warga emas kerana mempunyai kontak rapat dengan pesakit Covid-19.

"Seramai 60 kakitangan Jabatan Kesihatan negeri ditempatkan di situ setakat ini," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Semalam tular dalam media sosial gambar memaparkan ratusan individu menunggu giliran di sekitar Madinah Ramadan yang terletak di pekarangan Stadium

Sultan Muhammad IV bagi menjalani ujian saringan Covid-19.

Tinjauan turut mendapati ibu bapa menemani anak masing-masing untuk menjalani ujian saringan itu.

Seorang ibu yang enggan dikenali mendakwa, anaknya baru berusia tujuh tahun terpaksa menjalani ujian tersebut selepas mempunyai kontak rapat di sebuah sekolah di daerah ini. "Anak saya selesai menjalani ujian saringan dan diberi surat serta perlu memakai gelang berwarna me-

rah jambu selama tiga hari. Jika negatif barulah gelang itu dicabut selepas tiga hari.

"Saya berharap keputusannya negatif kerana anak saya tidak menunjukkan sebarang gejala atau tanda-tanda dan dia kini di-kuarantin di rumah," katanya.

Seorang lagi ibu yang turut menemani anak berusia sembilan tahun pula kesal apabila anaknya menjadi kontak rapat seorang murid lain yang dijangkiti Covid-19, biarpun diberi jaminan kononnya sekolah adalah lokasi selamat.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

# 10 kluster baharu dikesan

2,717 kes baharu dicatatkan dengan Selangor rekod kes tertinggi

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

**SHAH ALAM**

Sebanyak 10 kluster baharu dikenalpasti pada Sabtu melibatkan tujuh kluster tempat kerja, satu sekolah atau institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dua komuniti.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tujuh kluster di tempat kerja melibatkan Kluster Jalan Melor dan Jalan

Abdul Karim di Selangor, Kluster Tingkat Mak Mandin (Pulau Pinang), Kluster D'Lahar (Terengganu), Kluster Desa Mawar (Pahang), Kluster Jalan Datoh serta Kluster Leboh Ipoh-Lumut (Perak).

"Satu kluster sekolah atau institusi pendidikan KPM dikesan iaitu Kluster Jalan St Thomas (Kuala Lumpur) manakala dua kluster komuniti adalah Kluster Jalan Kolang Dua (Perak) serta Kluster Dambai Inanam (Sabah)," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 2,717 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes 390,252.

Menurutnya, Selangor merekod-



DR NOOR HISHAM

kan kes baharu tertinggi dengan 768 diikuti Sarawak (570), Kelantan (518), Kuala Lumpur (240), Pulau Pinang (134) dan Sabah (132).

"Sebanyak 126 kes direkodkan di Johor, Perak (54), Terengganu (50), Kedah (34), Melaka (30), Negeri Sembilan (27), Pahang (22), Putrajaya (11), Perlis (satu) selain tiada kes baharu di Labuan," kata beliau lagi.

Beliau berkata, sebanyak 11 kematian direkodkan melibatkan 10 warganegara dan satu bukan warganegara.

"Sejumlah 272 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 124 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Pengembara dari negara lapor virus VOC wajib jalani kuarantin 14 hari



**KUALA LUMPUR** - Pengembara yang baru tiba dari negara yang melaporkan penularan virus Covid-19 Varian Yang Membimbangkan (VOC) jenis baharu perlu menjalani tempoh kuarantin wajib yang dipanjangkan kepada 14 hari berbanding 10 hari sebelum ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, arahan itu sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penularan VOC jenis baharu di Malaysia memandangkan ada dalam kalangan varian itu telah pun dikesan di negara ini misalnya varian B.1.351 atau South African variant.

"Melihat kepada perkembangan pelaporan beberapa jenis VOC baharu di negara luar, adalah dikhuatiri varian ini kemungkinan boleh dibawa masuk oleh pengembara yang mengembara ke Malaysia," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat tiga varian yang membimbangkan iaitu B.1.351 yang mula dilaporkan di Afrika Selatan, B.1.1.7 dari United Kingdom dan B.1.1.28 atau P1 dari Brazil dan Jepun. *- Bernama*

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**



INFOGRAFIK SMART HARAPAN/EPIC

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Kumpulan pertama yang akan terima vaksin itu akan diumumkan Isnin ini

KOTA TINGGI

**M**alaysia menerima 268,800 dos vaksin Covid-19 jenis AstraZeneca di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada malam Jumaat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, vaksin berkenaan yang diperoleh melalui fasiliti Covax tiba di KLIA pada jam 8.20 malam.

Beliau berkata, ini merupakan penghantaran pertama bagi vaksin itu yang pembeliannya dilaksanakan pada. Disember lepas bagi kegunaan tiga peratus jumlah populasi negara.

"Pihak fasiliti Covax menghantar vaksin ini dari Korea Selatan dan kita akan letak di gudang yang telah ditetapkan," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian

peruntukan Parlimen Tenggara di Pusat Khidmat Wakil Rakyat Ahli Parlimen Tenggara, Taman Daiman di sini pada Sabtu.

Sementara itu, ditanya mengenai kebimbangan masyarakat terhadap vaksin berkenaan, Dr Adham berkata,

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) telah membuat keputusan untuk membeli vaksin itu hanya selepas mendapat kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (MPRA).

Beliau berkata, berdasarkan penelitian terhadap semua data daripada pengeluaran dan



DR ADHAM

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), didapati kelebihan menggunakan vaksin itu adalah melebihi kemudharatan.

"Pandangan kita, vaksin AstraZeneca ada kebaikan apabila digunakan terhadap kumpulan (penerima) tertentu... (sebab itu) kena

banyakkan jenis-jenis vaksin lagi kerana keperluan vaksin ada yang boleh serasi dengan kumpulan-kumpulan itu... sekarang kita dah ada Pfizer-BioNTech, Sinovac dan AstraZeneca," katanya.

Bagaimanapun ketika ditanya kumpulan pertama yang akan menerima vaksin berkenaan, beliau berkata satu peng-

umuman akan dibuat pada Isnin ini.

"Pihak JKJAV, pakar klinikal dan pakar jangkitan akan memberi saranan kepada kumpulan yang akan kita berikan dan kenyataan mengenainya akan dibuat Isnin ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 495,750 individu sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan setakat Jumaat.

"Bagi tempoh sama, 783,987 individu menerima dos pertama menjadikan keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin Covid-19 di negara ini berjumlah 1,279,737 dos," katanya.

Menerusi satu infografik yang dikongsikan melalui laman Twitter rasminya pada Sab-

tu, Dr Adham berkata, lima negeri menerima suntikan dos pertama vaksin tertinggi ialah Selangor dengan 103,613, diikuti Kuala Lumpur (87,603), Sarawak (74,154), Johor (71,609) dan Sabah (65,940).

Lima negeri yang melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin Covid-19 tertinggi setakat ini pula ialah Selangor dengan 70,468, diikuti Perak (49,958), Sarawak (48,444), Sabah (45,253) dan Kuala Lumpur (44,379).

Mengenai jumlah individu yang berdaftar untuk program imunisasi, Dr Adham berkata, setakat Jumaat, 9,225,268 atau 38 peratus daripada disasarkan telah mendaftar dengan Selangor kekal mencatat angka tertinggi sebanyak 2,406,238 pendaftaran. -Bernama

## Malaysia terima 268,800 dos vaksin AstraZeneca

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

BLOOD CLOT CONCERNS

# ASTRAZENECA RECIPIENTS TO BE KNOWN TOMORROW

268,800 doses have arrived; WHO says job's benefits outweigh risks

KOTA TINGGI

**T**HE first group of recipients of the AstraZeneca Covid-19 vaccine will be announced tomorrow following the arrival of the first batch of 268,800 doses of the vaccine on Friday night.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said despite blood clot concerns, an analysis of the data from the vaccine manufacturer and World Health Organisation (WHO) found that its benefits outweighed the risks.

He said the Special Committee for Ensuring Access to Covid-19 Vaccine Supply (JKJAV) decided to procure the vaccine only after it was approved by the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPR), which is under the Health Ministry.

"Our view is that the AstraZeneca vaccine is beneficial for use by certain groups... (We) need to have more brands of vaccine as some people may be compatible with this vaccine."

The vaccine, purchased through the Covax facility, arrived at Kuala Lumpur International Airport at 8.20pm, Bernama reported.

Dr Adham said Malaysia signed an agreement in December to procure the Covid-19 vaccine to cover three per cent of the country's population.

"The Covax facility sent the vaccine from South Korea, and we will keep it at the designated storage centre," he said after the presentation of allocations for the Tenggara parliamentary constituency in Taman Daiman here yesterday.

On April 8, Coordinating Minister for the National Covid-19 Immunisation Programme Khairy Jamaluddin had said JKJAV would review the use of the vac-

cine after the European Medicines Agency (EMA) found that unusual blood clots with low blood platelets should be listed as a very rare side effect of the jab.

"We take note of the EMA's announcement on the AstraZeneca vaccine.

"JKJAV will deliberate on the matter and decide if we will go ahead with using AZ (AstraZeneca) in our portfolio of vaccines. Safety is paramount," he said on Twitter.

The EMA's Safety Committee had shared its conclusion on its review of the vaccine and confirmed that its benefits in preventing Covid-19 outweighed the risks of side effects.

According to the Bernama report, the EMA reminded healthcare professionals and people receiving the vaccine to remain aware of the possibility of very rare cases of blood clots combined with low levels of blood platelets within two weeks of vaccination.

"So far, most of the cases [are] reported to have occurred in women under 60 years of age within two weeks of vaccination.

"Based on the available evidence, specific risk factors have not been confirmed," the EMA said on its website.

The committee said it had reviewed 62 cases of cerebral venous sinus thrombosis and 24 cases of splanchnic vein thrombosis reported in the European Union drug safety database up to March 22, where 25 million had received the vaccine, with 18 fatalities.

Meanwhile, Dr Adham said 495,750 people had received both doses of the Covid-19 vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme up to Friday, while 783,987 people had received the first dose, bringing the total number of shots administered in the country to 1,279,737.

In an infographic shared on his Twitter page yesterday, the five states with the highest number of recipients of the first dose of vaccine were Selangor at 103,613 people, followed by Kuala Lumpur



(87,603), Sarawak (74,154), Johor (71,609) and Sabah (65,940).

The five states with the highest number of recipients of both doses of vaccine were Selangor at 70,468 people, followed by Perak (49,958), Sarawak (48,444), Sabah (45,253) and Kuala Lumpur (44,379).

Up to Friday, 9,225,268 people, or 38 per cent of the population, had registered for vaccination, with Selangor topping the list at 2,406,238 registrants.

The first phase of the immunisation programme, from February to this month, involves 500,000 frontliners, mainly health workers.

The second phase, from this month to August, will involve 9.4 million senior citizens age 65 and above, vulnerable groups with morbidity problems and the disabled.

The third phase, from next month to February, involves those age 18 and above, targeting almost 14 million people.

In a separate interview with the *New Sunday Times*, Dr Adham said during its meeting on Thursday, JKJAV had deliberated on requests from several state governments to procure their own Covid-19 vaccines.

"In principle, JKJAV has no objections to the requests from the state governments.

"Those wishing to buy vaccines

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION



Nonagenarians Tan Phua Eng (seated, left) and Chan Sui Guan (seated, right) pose for a picture with healthcare workers after receiving their vaccination at the Stadium Perpaduan vaccination centre in Petra Jaya, Kuching, on Friday. PIC BY NADIM BOKHARI

## 'Misinformation big hurdle in vaccine drive'

**KUALA LUMPUR:** As the government races against time to deliver Covid-19 vaccines and brace for a possible fourth wave of infections, experts say the biggest hurdle may be misinformation and misconceptions that lead to vaccine hesitancy among people.

Professor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, from Universiti Malaya, said doubts about Covid-19 vaccines rose after reports of healthcare workers getting infected with Covid-19 after completing their vaccination last week.

She said while no vaccine or treatment could offer total protection, statistics had shown that inoculation had lowered the number of infections.

"Less than one per cent of those vaccinated against Covid-19 were infected, with only nine healthcare workers infected after receiving their second dose.

"A study in England made an observation of more than 23,000 healthcare staff. Prior to the vaccination drive, 977 were infected with Covid-19, but the number dropped to 71 cases after the first dose was given.

"After the second dose, there were only nine infections. This is as good as it gets," she said in a Facebook live session organised by the Science Medical Centre Malaysia yesterday, moderated by *The Petri Dish* editor-in-chief Dr Mahaletchumy Arujan.

